



DASAR RUMAH MAMPU MILIK RESIDENSI PRIHATIN **WILAYAH PERSEKUTUAN**

PENGENALAN

1. Dasar Residensi Prihatin digubal bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah di Wilayah Persekutuan. Dasar ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) iaitu untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa prihatin dengan keperluan perumahan di kalangan rakyat, lantas mengambil pendekatan proaktif dengan penyediaan rumah mampu milik yang bersasar mengikut kategori pendapatan. Ini adalah selari dengan teras Kesejahteraan Sosial, WKB dalam mencapai matlamat Kerajaan menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki bagi kelompok rakyat yang memerlukan.

2. Residensi Prihatin merupakan program Perumahan Mampu Milik Wilayah Persekutuan dalam kategori kos sederhana rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sebelum ini, pelaksanaan dasar sedia ada berhubung pembangunan Rumah Mampu Milik di Wilayah Persekutuan memberikan fokus bagi kategori kos

sederhana melalui Dasar Residensi Wilayah (RW) untuk golongan berpendapatan sederhana. Pengenalan Dasar RP ini merupakan pelengkap kepada dasar sedia ada dalam usaha Kerajaan untuk membantu golongan yang kurang kemampuan untuk memiliki tempat tinggal yang selesa. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui kerjasama erat dengan sektor swasta komited dalam usaha menyediakan tempat tinggal yang mempunyai persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera.

3. Pelaksanaan Residensi Prihatin juga diharap dapat membantu Kerajaan merealisasikan sasaran KWP membina sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 hingga 2028. Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan ini bakal menggariskan hala tuju dan asas panduan kepada semua agensi Kerajaan dan pihak yang berkepentingan dalam merancang serta membangunkan Residensi Prihatin di Wilayah Persekutuan.

LATAR BELAKANG

4. Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan dibangunkan susulan daripada beberapa analisa kebolehlaksanaan yang dilaksanakan bersama Jabatan dan Agensi berkaitan serta penglibatan daripada pihak pemaju perumahan di Wilayah Persekutuan. Analisa ini dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti pemilikan tanah, kadar kepadatan penduduk, keperluan dan penawaran, peratusan komponen Residensi Prihatin daripada keseluruhan projek, keluasan

rumah, spesifikasi dan ciri-ciri rumah, kualiti pembinaan serta harga jualan.

5. Dalam usaha Kerajaan untuk memastikan rakyat di Wilayah Persekutuan mampu untuk memiliki rumah, pelbagai strategi dan langkah telah diambil di mana penyediaan rumah mampu milik adalah antara langkah utama di bawah strategi Kerajaan dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Matlamat utama Residensi Prihatin adalah bertujuan menyediakan rumah dengan harga jualan yang mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Selain itu, KWP komited dalam memastikan Residensi Prihatin menepati matlamat yang dihasratkan oleh Kerajaan melalui Dasar Perumahan Negara (2018-2025) bagi menjana habitat yang mampan, inklusif dan berdaya huni. Dasar ini adalah selaras dengan Memorandum Jemaah Menteri Cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sebagai Entiti Tunggal Perumahan Negara yang disahkan pada **3 Ogos 2018** supaya Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan mengikut keperluan di Wilayah Persekutuan.

KAEDAH PELAKSANAAN DASAR

6. Definisi Residensi Prihatin

Residensi Prihatin merujuk kepada rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan dengan harga jualan sehingga RM200,000 seunit dengan saiz rumah minima 750 kaki persegi.

7. Spesifikasi Residensi Prihatin

- 7.1 Bagi menjamin kesejahteraan kehidupan berkeluarga di Wilayah Persekutuan, Residensi Prihatin disyaratkan menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, dapur, ruang tamu, ruang makan, *yard* untuk kegunaan dobi dan satu (1) tempat letak kereta berbumbung. Walaupun begitu, pemaju digalakkan untuk menyediakan spesifikasi yang lebih baik untuk keselesaan pemilik Residensi Prihatin.
- 7.2 Kemudahan-kemudahan awam dan keperluan sosial yang lengkap dengan keluasan yang bersesuaian perlu disediakan untuk mewujudkan persekitaran berdaya huni yang kondusif. Kemudahan awam yang menjadi syarat penyediaan kepada pemaju tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

**Jadual 1:
Senarai Kemudahan Awam**

Bil	Kemudahan
Kemudahan yang WAJIB disediakan:	
1.	Surau / Bilik Solat & Bilik Pengurusan Jenazah Islam
2.	Dewan Serbaguna / Bilik Mesyuarat
3.	Pejabat Pengurusan/JMB/MC
4.	Taska
5.	Tadika
6.	Kedai / Gerai Komuniti / Pusat Kejiranan Komersial *

Bil	Kemudahan
7.	Kedai Dobi
8.	Bilik Pengurusan Jenazah Bukan Islam
9.	Perpustakaan / Bilik Bacaan
10.	Bilik Komputer / Bilik <i>Indoor Games</i>
11.	Taman Permainan/ Tanah Lapang Berpusat & Berfungsi
12.	Infrastruktur Internet yang menyeluruh
Kemudahan asas tambahan yang digalakkan disediakan:	
13.	Gelanggang permainan berpasukan (contoh: futsal/ bola jaring/ takraw)
14.	Kolam renang/ Gimnasium
15.	Kawasan Hijau

*Saiz dan keluasan adalah tertakluk kepada pertimbangan OSC (PBT perlu menyediakan panduan keluasan kemudahan yang disediakan berdasarkan *Gross Floor Area*). Kesemua kemudahan yang disediakan perlu diserahkan kepada *Joint Management Body (JMB)* bagi tujuan menjana sumber pendapatan tambahan.

7.3 Garis Panduan Spesifikasi Minimum Residensi Prihatin adalah seperti berikut:

**Jadual 2:
Senarai Spesifikasi**

Perkara		Spesifikasi
Struktur	Rangka	• Konkrit
	Dinding	• Konkrit • Batu-bata (tanah liat, pasir & konkrit)
	Lantai	• Konkrit bertetulang
	Kerangka Bumbung	• Keluli • Konkrit bertetulang

Perkara		Spesifikasi
	Kemasan Bumbung	<ul style="list-style-type: none"> • Bumbung rata konkrit • Genting konkrit • Dek keluli
Elemen Estetik	Unjuran Tingkap (<i>Facade</i>)	• Disediakan (minima 300mm atas tingkap)
	Skirting	• Disediakan
	Ruang kompressor penghawa dingin (<i>A/C Ledge</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu disediakan * Tidak termasuk dalam luas binaan unit Residensi Prihatin
Kemasan Lantai	Lobi lif	• Jubin <i>homogenous</i>
	Ruang tamu	• Jubin seramik
	Ruang makan	• Jubin seramik
	Ruang legar	• Lepaan simen
	Bilik tidur	• Jubin seramik
	Balkoni	• Jubin seramik
	Koridor (luar)	• Jubin seramik
	Yard	• Jubin seramik jenis ' <i>non slip</i> '
	Dapur	• Jubin seramik jenis ' <i>non slip</i> '
	Bilik mandi / tandas	• Jubin seramik jenis ' <i>non slip</i> '
	Tangga	• Lepaan simen <i>dengan groove lines nosing</i>
	Tempat letak kereta	• Lepaan simen (<i>brush finish</i>)

Perkara		Spesifikasi
Kemasan Lain-lain	Tingkap	<ul style="list-style-type: none"> • Kesmen aluminium • Tingkap berbilang (<i>yard</i>) • Tingkap bukaan atas (bilik mandi / tandas)
	Pintu	<ul style="list-style-type: none"> • Pintu masuk utama : Pintu kayu padu berpanel • Bilik : Pintu papan lapis rata • Bilik air : Pintu kalis air • Balkoni : Pintu gelongsor aluminium

Perkara		Spesifikasi
	Bingkai pintu	<ul style="list-style-type: none"> • Keluli
	Siling	<ul style="list-style-type: none"> • Lepaan simen dan berskim • Ketinggian 10 kaki daripada lantai ke lantai • Kepingan siling bebas asbestos (Tingkat teratas / bilik mandi / tandas)
	Dinding	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam : Lepaan simen dan bercat • Bilik mandi / tandas : Jubin seramik setinggi 2.1m / sehingga siling • Dapur : Jubin seramik setinggi 1.5m (baki dilepa dan bercat) • Luaran : Lepaan simen dan bercat (kalis cuaca) <p>* Penggunaan bahan binaan selain yang dinyatakan bagi tujuan 'feature wall' perlu mendapat kelulusan PBT.</p>
	Lif	<p>Menyediakan bilangan lif yang mencukupi dengan sekurang-kurangnya satu (1) lif servis di setiap blok.</p> <p>* Rekabentuk lif hendaklah mematuhi spesifikasi MS1184 atau peraturan standard yang sedang berkuatkuasa.</p>
Kelengkapan Sanitari	Bilik mandi utama dan kedua	<ul style="list-style-type: none"> • Mangkuk tandas (jenis duduk) • Besen dan kepala paip • Pancuran mandi • Kepala paip (<i>bid tap</i>)
	Dapur	<ul style="list-style-type: none"> • Kepala paip (<i>bid tap</i>) • Sinki dapur
	Yard	<ul style="list-style-type: none"> • Kepala paip (<i>bid tap</i>)

Perkara		Spesifikasi
Kelengkapan Elektrik	Punca kuasa lampu	• 13 point
	Punca kuasa 13A	• 18 point
	Punca kuasa 15A	• 2 point
	Punca kuasa kipas	• 4 point

Perkara	Spesifikasi
Punca kuasa air panas	• 1 <i>point</i>
Punca kuasa penghawa dingin	• 2 <i>point</i> (ruang tamu & bilik tidur utama)
Punca kuasa SMATV	• 1 <i>point</i>
Punca telefon	• 1 <i>point</i>
Punca loceng (<i>bell point</i>)	• 1 <i>point</i>
<p>* Jumlah sebenar punca kuasa bergantung kepada reka bentuk unit rumah.</p> <p>* Lokasi punca kuasa perlu bersesuaian dengan cadangan susunan perabot.</p> <p>* Jenis pendawaian adalah pendawaian elektrik fasa tunggal.</p>	

- 7.4 Dalam usaha mematuhi kualiti pembinaan bangunan, semua Projek Residensi Prihatin diwajibkan mendapat pengiktirafan QLASSIC, Perakuan Pematuhan Standard (Bahan Binaan) daripada CIDB Malaysia dengan sekurang-kurangnya skor 70% yang perlu dijadikan sebagai syarat kelulusan Perintah Pembangunan.
- 7.5 Pembinaan Residensi Prihatin digalakkan menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS) dengan sekurang-kurangnya 70 IBS skor atau menggunakan *Modular Building System* (MBS) atau kaedah-kaedah lain yang setara.
- 7.6 Pembinaan Residensi Prihatin juga digalakkan untuk menerapkan elemen pintar contohnya *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA), lampu jimat tenaga/ tenaga diperbaharui, *Closed-Circuit Television* (CCTV) dan sebagainya.

7.7 Tempat Letak Kereta Tambahan:

7.7.1 Penjualan tempat letak kenderaan tambahan bukan mandatori sebaliknya adalah pilihan kepada pembeli yang berminat sahaja. Harga jualan tempat letak kereta bersebelahan adalah di bawah RM18,000 seunit dan tempat letak kereta *tandem* di bawah RM15,000 seunit; dan

7.7.2 Tempat letak kereta tambahan yang disediakan oleh pemaju dalam sesebuah projek hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah keseluruhan unit rumah.

7.8 Penyediaan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU):

7.8.1 Perancangan pembangunan Residensi Prihatin mesti menyediakan kemudahan dan keperluan golongan OKU mengikut keperluan teknikal serta perancangan yang ditetapkan oleh OSC;

7.8.2 Sekurang-kurangnya satu (1) peratus daripada keseluruhan unit Residensi Prihatin hendaklah diperuntukkan kepada OKU di aras bawah dengan segala kos penyediaan kemudahan OKU termasuk dalam unit kediaman ditanggung sepenuhnya oleh pemaju;

7.8.3 Sekiranya terdapat kekosongan unit disebabkan tiada atau kurang pembeli OKU, unit tersebut boleh dijual sebagai unit terbuka kepada orang awam; dan

7.8.4 Reka bentuk tempat letak kereta perlu mengambil kira keperluan OKU mengikut garis panduan KPKT yang berkuatkuasa.

7.9 Kadar Caj Penyelenggaraan dalam tempoh dua (2) tahun adalah tidak melebihi RM0.12 sekaki persegi dengan kemudahan awam yang asas.

8. Kuota Bumiputera

8.1 Penetapan syarat minimum kuota Bumiputera dikenakan bagi setiap projek Residensi Prihatin tertakluk kepada pertimbangan PBT seperti berikut:

**Jadual 6:
Peratus Kuota Bumiputera**

PERATUS KUOTA BUMIPUTERA	KATEGORI
50%	Projek usaha sama antara agensi di bawah KWP dengan pemaju
30%	Projek Persendirian

8.2 Pelepasan kuota bumiputera mesti mendapat perakuan Jawatankuasa Pelepasan Kuota Bumiputera di peringkat PBT.

8.3 Sekiranya pihak pemaju menjual unit-unit kuota Bumiputera kepada bukan Bumiputera tanpa mendapat kelulusan PBT terlebih dahulu, pihak pemaju akan dikenakan kompaun untuk setiap unit-unit kuota Bumiputera tersebut mengikut garis panduan dikeluarkan oleh PBT Wilayah Persekutuan.

9. Insentif dan Kemudahan Pembangunan Residensi Prihatin

9.1 Pelbagai insentif dan kemudahan diberikan kepada pemaju perumahan untuk pembangunan Residensi Prihatin tertakluk kepada pertimbangan PBT. Ini adalah bagi menggalakkan pembangunan dan penyediaan Residensi Prihatin di Wilayah Persekutuan.

9.2 Pembinaan Residensi Prihatin dikecualikan daripada caj pembangunan 100% tertakluk kepada cadangan pembangunan dan pertimbangan PBT.

9.3 Peningkatan kepadatan penduduk boleh dipertimbangkan sehingga 1,400 orang seekar (ose) bagi pemajuan 100 peratus komponen Residensi Prihatin. Walau bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada kesesuaian lokasi, kemudahan infrastruktur, lain-lain keperluan teknikal serta perancangan yang ditetapkan oleh PBT.

9.4 Pertimbangan kelulusan kepada kepadatan penduduk ini adalah tertakluk kepada :

- i. Guna Tanah yang tidak bercanggah dengan Pelan Tempatan;

- ii. Keluasan tapak bersesuaian;
- iii. Kesesuaian lokasi;
- iv. Keutamaan kepada pemilihan tapak berdekatan dengan Stesen Rel;
- v. Kemampuan peningkatan infrastruktur;
- vi. Memiliki jaringan aksesibiliti serta laluan keluar/masuk yang baik;
- vii. Keadaan topografi tapak;
- viii. Keadaan topologi semasa sekitar tapak;
- ix. Keupayaan kemudahan masyarakat; dan
- x. Keperluan teknikal lain perancangan yang ditetapkan oleh PBT.

9.5 Harga jualan Residensi Prihatin adalah ditetapkan sehingga RM200,000 seunit.

9.6 Sumbangan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) bagi tujuan pembinaan jalan diberi pengurangan sebanyak 50 peratus berdasarkan jumlah unit Residensi Prihatin yang disediakan.

9.7 Pengurangan pengiraan nisbah tempat letak kereta boleh dipertimbangkan untuk projek Residensi Prihatin di kawasan pembangunan berorientasikan transit (TOD) tertakluk kepada kelulusan Kementerian/ Agensi berkaitan. Caj levi akan dikenakan oleh PBT ke dalam Tabung Khas untuk kegunaan penyediaan tempat letak kereta awam.

9.8 Permohonan Residensi Prihatin layak dipertimbangkan untuk mendapat laluan khas (*Green Lane*/ keutamaan) yang

dikemukakan melalui Kaunter Urusetia Pusat Khidmat Setempat (OSC) Khas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

10. Kawalan Kelayakan Insentif Pembangunan Residensi Prihatin

10.1 Pematuhan kepada syarat-syarat pembangunan yang telah ditetapkan dalam Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan ini adalah penting bagi melayakkan pemaju perumahan menikmati insentif dan kemudahan yang diberikan dalam pembangunan Residensi Prihatin.

10.2 Tempoh pelaksanaan projek Residensi Prihatin adalah selama 36 bulan (bertingkat) dan 24 bulan (di atas tanah).

10.3 Permohonan sekatan moratorium hendaklah dibuat oleh pemaju kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) untuk pendaftaran hak milik strata bagi tujuan sekatan penjualan (moratorium) selama 10 tahun bermula dari tarikh Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

11. Kawalan Penjualan Residensi Prihatin

Dalam memastikan penjualan dan penawaran Residensi Prihatin dapat dilaksanakan kepada kumpulan sasaran dengan telus dan teratur, pemaju disyaratkan mematuhi perkara-perkara seperti berikut:

- 11.1 Pemaju diwajibkan memperolehi Lesen Pemaju Perumahan & Permit Iklan dan Jualan (APDL) daripada Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum penjualan rumah dibuat melalui Portal Permohonan Residensi Prihatin selaras dengan pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1989 dan peraturan di bawah Akta 118, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 11.2 Penjualan Residensi Prihatin hanya dibenarkan kepada pemohon yang memohon dan menerima tawaran melalui Portal Residensi Prihatin sahaja. Pemaju dikehendaki mematuhi syarat ini sebelum sebarang perjanjian jual beli ditandatangani. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan transaksi.
- 11.3 Pihak pemaju hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan agar tiada sebarang bentuk kutipan wang diterima daripada pemohon. Perkara ini termasuklah kutipan yuran komitmen sebelum menandatangani perjanjian jual beli selaras dengan pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1989 dan peraturan di bawah Akta 118, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

11.4 Kutipan deposit oleh pemaju untuk tujuan renovasi selepas penyerahan kunci hendaklah tidak melebihi RM1,000 kepada pemilik rumah sahaja. Amaun deposit hendaklah dikembalikan sepenuhnya sekiranya tidak berlaku sebarang pelanggaran syarat-syarat yang dipersetujui.

11.5 Pemaju digalakkan untuk membantu menyegerakan penubuhan Badan Pengurusan Bersama / *Joint Management Body* (JMB) di kalangan penduduk dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh penyerahan milikan kosong selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

12. Syarat Kelayakan Permohonan Residensi Prihatin

Kriteria dan syarat kelayakan permohonan Residensi Prihatin adalah seperti berikut:

12.1 Pemohon terbuka kepada warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ketika permohonan dibuat;

12.2 Keutamaan kepada pemohon yang lahir atau bekerja atau bermastautin di Wilayah Persekutuan semasa permohonan dibuat;

12.3 Pendapatan kasar isi rumah pemohon (merangkumi elaun dan komisen) tidak melebihi RM5,000 sebulan;

12.4 Permohonan rumah pertama sahaja;

- 12.5 Residensi Prihatin yang dibeli oleh pemohon tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun sekatan moratorium dari tarikh perjanjian jual beli kecuali kepada waris terdekat (suami / isteri atau anak-anak);
- 12.6 Pemohon tidak diisytiharkan muflis;
- 12.7 Berdaftar dan memohon melalui Portal Residensi Prihatin (<https://residensiprihatin.kwp.gov.my>) merujuk kepada Garis Panduan Permohonan RP;
- 12.8 Tawaran akan dibatalkan sekiranya didapati pemohon mengemukakan dokumen palsu; dan
- 12.9 Pemohon dibenarkan untuk meletakkan penama kedua dalam Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan. Penama kedua terhad kepada pasangan (suami / isteri) atau ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah (kandung) sahaja yang merujuk kepada ibu/ bapa/ adik-beradik/ anak dan berstatus warganegara Malaysia. Kombinasi pendapatan pemohon dan penama kedua hendaklah tidak melebihi RM5,000 sebulan. Penama kedua mestilah tidak memiliki kediaman rumah mampu milik bawah Kerajaan Persekutuan.

13. Kawalan Lelongan Residensi Prihatin

Kes lelongan oleh Institusi Kewangan dalam tempoh moratorium adalah seperti berikut:

13.1 Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan tidak menyekat hak mana-mana institusi kewangan untuk menguatkuasakan penjualan unit lelongan Residensi Prihatin kepada pembeli baharu; dan

13.2 Pembeli baharu hendaklah mematuhi baki tempoh moratorium selama 10 tahun dari tarikh Perjanjian Jual Beli pertama ditandatangani antara pembeli dan pemaju.

IMPLIKASI KEWANGAN

14. Pelaksanaan program ini tidak akan memberi sebarang implikasi kewangan kepada Kerajaan kerana segala kos ditanggung sepenuhnya oleh pemaju perumahan.

TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

15. Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan iaitu pada 26 Februari 2021. Dasar ini adalah tertakluk kepada akta, peraturan dan kaedah-kaedah berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

16. Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua agensi Kerajaan dan Swasta seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Teknikal, Pejabat Tanah dan Galian, Pemaju Perumahan, Institusi

Kewangan dan pihak yang berkepentingan dengan pembangunan Residensi Prihatin di Wilayah Persekutuan. Dasar ini dapat membantu KWP untuk memastikan perancangan dan pembangunan Residensi Prihatin ini dapat dilaksanakan dalam usaha menyediakan rumah yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Bahagian Sosio Ekonomi
Kementerian Wilayah Persekutuan

26 Februari 2021